BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
September 2018

Inflasi terus rendah pada bulan September



* Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai .

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran staf

- Inflasi keseluruhan terus rendah pada 0.3% pada bulan September (Ogos: 0.2%), kerana kesan kenaikan yang disebabkan oleh pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) diimbangi oleh inflasi pengangkutan yang lebih rendah.
- Kesan pindahan SST adalah lebih nyata bagi beberapa perkhidmatan boleh cukai, seperti perkhidmatan televisyen berbayar dan makanan segera. Walau bagaimanapun, barangan boleh cukai lain pada bulan itu mengalami kesan pindahan yang terhad.
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai, inflasi teras terus stabil pada 1.4% pada bulan September (Ogos: 1.4%).

Pertumbuhan eksport menurun sedikit pada bulan Ogos 2018

Eksport Malaysia Mengikut Produk



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan MATRADE

- Eksport menguncup sedikit pada 0.3% pada bulan Ogos 2018 disebabkan oleh eksport perkilangan yang menjadi sederhana dan penurunan eksport komoditi. Eksport komoditi menurun disebabkan sebahagiannya oleh gangguan bekalan pengeluaran LNG.
- Pada masa hadapan, pertumbuhan eksport dijangka kembali positif disebabkan oleh eksport semula E&E yang meningkat dan pemulihan beransur-ansur eksport komoditi.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat



[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (tidak termasuk institusi kewangan pembangunan, IKP) dan bon korporat terkumpul.
[2] Purata bergerak 3 bulan.
[3] Tempoh 1 Jun hingga 31 Ogos 2018 merupakan tempoh pelaksanaan kadar GST sifar daripada 6% dan sebelum pelaksanaan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) bermula 1 September 2018.

Sumber : Bank Negara Malaysia

- Pada bulan September, pembiayaan bersih[1] meningkat 7.0% (Ogos: 7.4%) berikutan pertumbuhan bon korporat terkumpul yang lebih sederhana iaitu sebanyak 10.8% (Ogos: 13.4%). Pinjaman sistem perbankan terkumpul meningkat 5.7% (Ogos: 5.4%).
- Pertumbuhan pinjaman terkumpul bagi sektor perniagaan meningkat kepada 4.5% (Ogos: 3.8%) manakala pertumbuhan pinjaman isi rumah mampan pada 6.0% (Ogos: 6.1%).
- Yang nyata, pertumbuhan[2] permohonan dan kelulusan pinjaman isi rumah untuk pembelian kereta penumpang menjadi sederhana pada bulan September masing-masing kepada 6.7% dan 32.0%, susulan selepas tempoh pelepasan cukai[3] (Ogos: masing-masing 27.7% dan 52.0%).

Pasaran kewangan domestik terus teratur di tengah-tengah aliran keluar portfolio

Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan September



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pasaran kewangan domestik terus teratur meskipun terdapat aliran keluar portfolio bukan pemastautin pada awal bulan September. Aliran keluar ini disebabkan oleh sentimen penghindaran risiko yang timbul terutamanya daripada ketegangan perdagangan global.
  - Ringgit menyusut nilai sebanyak 0.8% di tengah-tengah aliran keluar bukan pemastautin dan nilai dolar Amerika Syarikat (AS) yang semakin kukuh yang disokong oleh prospek ekonomi yang positif dan penyiaran data pekerjaan dan gaji yang lebih kukuh daripada AS.
  - KLCI menurun 1.5%, manakala kadar hasil MGS 5 tahun meningkat 5.7 mata asas pada bulan itu (Ogos 2018: masing-masing +2.0% dan -6.1% mata asas).

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh

Sistem Perbankan: Kualiti Aset



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pada bulan September 2018, nisbah pinjaman terjejas bersih menurun sedikit kepada 0.9% disebabkan oleh aktiviti hapus kira (write-off).
- Bank-bank terus mengekalkan penampan yang mencukupi terhadap kemungkinan kerugian kredit dengan nisbah perlindungan kerugian pinjaman[1] mampan pada 96.0% daripada jumlah pinjaman terjejas (Ogos 2018: 94.4%).

[1] Merujuk nisbah jumlah peruntukan kepada jumlah pinjaman terjejas.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 10/18/12

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Rabu, 31 Oktober 2018

SOROTAN BULANAN – SEPTEMBER 2018

Inflasi terus rendah pada bulan September

- Inflasi keseluruhan terus rendah pada 0.3% pada bulan September (Ogos: 0.2%), kerana kesan kenaikan yang disebabkan oleh pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) diimbangi oleh inflasi pengangkutan yang lebih rendah.
- Kesan pindahan SST adalah lebih nyata bagi beberapa perkhidmatan boleh cukai, seperti perkhidmatan televisyen berbayar dan makanan segera. Walau bagaimanapun, barangan boleh cukai lain pada bulan itu mengalami kesan pindahan yang terhad.
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai, inflasi teras terus stabil pada 1.4% pada bulan September (Ogos: 1.4%).

Pertumbuhan eksport menurun sedikit pada bulan Ogos 2018

- Eksport menguncup sedikit pada 0.3% pada bulan Ogos 2018 disebabkan oleh eksport perkilangan yang menjadi sederhana dan penurunan eksport komoditi. Eksport komoditi menurun disebabkan sebahagiannya oleh gangguan bekalan pengeluaran LNG.
- Pada masa hadapan, pertumbuhan eksport dijangka kembali positif disebabkan oleh eksport semula E&E yang meningkat dan pemulihan beransur-ansur eksport komoditi.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

- Pada bulan September, pembiayaan bersih[1] meningkat 7.0% (Ogos: 7.4%) berikutan pertumbuhan bon korporat terkumpul yang lebih sederhana iaitu sebanyak 10.8% (Ogos: 13.4%). Pinjaman sistem perbankan terkumpul meningkat 5.7% (Ogos: 5.4%).
- Pertumbuhan pinjaman terkumpul bagi sektor perniagaan meningkat kepada 4.5% (Ogos: 3.8%) manakala pertumbuhan pinjaman isi rumah mampan pada 6.0% (Ogos: 6.1%).
- Yang nyata, pertumbuhan[2] permohonan dan kelulusan pinjaman isi rumah untuk pembelian kereta penumpang menjadi sederhana pada bulan September masing-masing kepada 6.7% dan 32.0%, susulan selepas tempoh pelepasan cukai[3] (Ogos: masing-masing 27.7% dan 52.0%).

Pasaran kewangan domestik terus teratur di tengah-tengah aliran keluar portfolio

- Pasaran kewangan domestik terus teratur meskipun terdapat aliran keluar portfolio bukan pemastautin pada awal bulan September. Aliran keluar ini disebabkan oleh sentimen penghindaran risiko yang timbul terutamanya daripada ketegangan perdagangan global.
  - Ringgit menyusut nilai sebanyak 0.8% di tengah-tengah aliran keluar bukan pemastautin dan nilai dolar Amerika Syarikat (AS) yang semakin kukuh yang disokong oleh prospek ekonomi yang positif dan penyiaran data pekerjaan dan gaji yang lebih kukuh daripada AS.
  - KLCI menurun 1.5%, manakala kadar hasil MGS 5 tahun meningkat 5.7 mata asas pada bulan itu (Ogos 2018: masing-masing +2.0% dan -6.1% mata asas).

[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (tidak termasuk institusi kewangan pembangunan, IKP) dan bon korporat terkumpul.
[2] Purata bergerak 3 bulan
[3] Tempoh 1 Jun hingga 31 Ogos 2018 merupakan tempoh pelaksanaan kadar GST sifar daripada 6% dan sebelum pelaksanaan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) bermula 1 September 2018.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh

- Pada bulan September 2018, nisbah pinjaman terjejas bersih menurun sedikit kepada 0.9% disebabkan oleh aktiviti hapus kira (write-off). Bank-bank terus mengekalkan penampan yang mencukupi terhadap kemungkinan kerugian kredit dengan nisbah perlindungan kerugian pinjaman[4] mampan pada 96.0% daripada jumlah pinjaman terjejas (Ogos 2018: 94.4%).

Bank Negara Malaysia
31 Oktober 2018

[4] Merujuk nisbah jumlah peruntukan kepada jumlah pinjaman terjejas.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my